



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[*Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)*]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

Ruj. Kami : MAQIS 100-1/9/3 (8)
Tarikh : 4 Februari 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

PENGIMPORAN PRODUK HAIWAN DAN HASILAN HAIWAN TERMASUK OFAL DARI LOJI PEMROSESAN/ABATOIR UNTUK NEGARA YANG DIBENARKAN SAHAJA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, kebenaran pengimportan produk haiwan dan hasilan haiwan seperti keratan daging dan ofal sejuk beku dari luar negara adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPV). Bagi negara yang dibenarkan pengimportannya, tuan boleh merujuk kepada laman sesawang JPV iaitu <http://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/299>.

3. Justeru itu, pihak tuan dinasihatkan supaya hanya mengimport produk haiwan dan hasilan haiwan (keratan daging dan hasilan keratan daging serta ofal) berdasarkan kelulusan yang telah dikeluarkan untuk setiap loji pemprosesan abatoir yang terbabit. Turut dimaklumkan, mana-mana pengimportan produk ofal (perut, usus, jantung, peparu, hati, limpa, ginjal, organ dalaman dan sebagainya) hanya tertakluk kepada kelulusan produk bagi setiap loji/abatoir yang dibenarkan oleh JPV sahaja.

4. Sukacita juga dimaklumkan, sekiranya berlaku pengimportan keratan daging dan hasilnya dari loji pemprosesan/abatoir yang tidak dibenarkan serta berlaku pengimportan ofal dari loji yang tiada kelulusan, pihak Jabatan boleh mengambil tindakan dibawah Seksyen 11 dan 15, Akta 728 dimana sabit kesalahan disetiap

Ruj. Kami : MAQIS 100-1/9/3 (8)
Tarikh : 4 Februari 2019


seksyen berkenaan adalah denda tidak melebihi RM100,000.00 atau 6 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

5. Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SAIFUL YAZAN B ALWI)

Ketua Pengarah Kuarantin & Pemeriksaan

- s.k
- i. Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
 - ii. Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 - iii. Ketua Pengarah Kastam Malaysia
 - iv. Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
 - v. SUB ITTP, MOA
 - vi. Semua Pengarah Bahagian Ibu Pejabat MAQIS

SENARAI EDARAN

1. Pengarah MAQIS Negeri Perlis
✉ khairi@maqis.gov.my
2. Pengarah MAQIS Negeri Pulau Pinang
✉ mohamads@maqis.gov.my
3. Pengarah MAQIS Negeri Kedah
✉ lilyrosalind@maqis.gov.my
4. Pengarah MAQIS Negeri Perak
✉ zamri.hashim@maqis.gov.my
5. Pengarah MAQIS Negeri Selangor / N9
✉ edieputra@maqis.gov.my
6. Pengarah MAQIS Negeri Johor / Melaka
✉ noraizurah@maqis.gov.my
7. Pengarah MAQIS Negeri Kelantan
✉ azam@maqis.gov.my
8. Pengarah MAQIS Negeri Pahang / Trg.
✉ nazrulhizam@maqis.gov.my
9. Pengarah MAQIS Negeri WP Labuan
✉ nazrulazman@maqis.gov.my

Tuan/puan dengan hormatnya dipohon untuk memanjangkan surat ini kepada ejen dan pengimport di peringkat negeri masing-masing.